

KENAPA SAYA GUNAKAN “ALLAH”

Perspektif seorang jemaat biasa

Di dalam debat yang sedang berlangsung, ada orang yang berpendapat bahawa orang Kristian harus mengalah sahaja dan jangan gunakan perkataan “Allah” supaya ancaman dan serangan ke atas gereja-gereja akan berhenti dan Malaysia boleh terus menikmati keamanan dan terus maju tanpa halangan mencapai status Negara Maju.

Lebih-lebih lagi pada masa sekarang, Negara kita memerlukan rakyat Malaysia yang jelas fikiran dan bukan rakyat yang bingung, termasuklah orang Kristian.

Terdapatnya 10 fakta dan sebab yang saya ingin menyampaikan kepada orang biasa dan jemaat biasa di dalam gereja

1. Perkataan “Allah” Digunakan sebelum kedatangan Islam

“Allah” adalah perkataan Arab untuk Tuhan, dan ia benar-benar digunakan sebelum kedatangan Islam maupun agama Kristian. Orang Arab yang pagan di Semenanjung Arab memanggil Tuhan “Allah” walaupun mereka menyembah beratus-ratus patung yang lain. Dan umat Kristian di seluruh dunia Arab hari ini menggunakan “Allah” untuk Tuhan. Dan jika seseorang membaca Alkitab bahasa Arab, dia akan mendapati bahawa Tuhan memanggilnya dipanggil “Allah”

“Allah” adalah juga nama yang Yesus Kristus gunakan untuk memanggil Tuhan. “Allah” adalah perkataan Arab yang sama dengan “Elohim” yang mana di dalam bahasa Ibrani bererti Tuhan. “Im” adalah tambahan jamak yang menunjukkan hormat. Jadi perkataan itu ialah “Eloh”, yang mana adalah sangat serupa dengan “Allah”. Tambahan lagi, perkataan Aram bagi Tuhan ialah “Alaha” dan bahasa Aram adalah bahasa yang Yesus sendiri bercakap. Juga, perkataan “Allah” juga terdapat di dalam Alkitab versi Bahasa Inggeris yang kita membaca hari ini.. Di dalam Matius 27:46, kita membaca ayat yang berbunyi, “Kira-kira jam tiga berserulah Yesus dengan suara nyaring “Eli, Eli, lama sabakhtani?” Ertinya: AllahKu, AllahKu, mengapa Engkau meninggalkan Aku? Perkataan “Eloi” adalah bentuk Aram bagi perkataan “Allah” dalam bahasa Arab.

Adalah amat penting untuk kita tahu fakta bahawa umat Kristian di Malaysia tidak hanya menggunakan “Allah” baru-baru ini sahaja seperti yang dikatakan oleh sesetengah orang.

2. Ia adalah digunakan di seluruh dunia oleh umat Kristian

Perkataan Arab digunakan secara biasa oleh umat Kristian di negara-negara seperti Mesir, Siria dan Indonesia yang juga merupakan Negara Islam yang terbesar. Jadi , ia bukan hanya perkataan Malaysia dan hanya untuk konteks Malaysia sahaja. Tidak ada orang yang boleh memutuskan mahu hakciptakan sebuah perkataan “antarabangsa” dan harap tidak akan menerima sindiran.

Dan siapa sahaja di Malaysia boleh memberitahu anda bahawa ia melibatkan lebih daripada satu perkataan. Fokus sekarang mungkin hanya kepada satu perkataan. Tetapi, nanti kemudian, ia akan diperbesarkan untuk memasukkan perkataan - perkataan lain dan pada peringkat belakang, ia akan termasuk mana-mana perkataan -perkataan yang ditentukan oleh pihak pemerintah

3. “Allah” telah digunakan oleh Rakyat Malaysia Timur sebelum Malaysia dibentuk

Gereja SIB yang tertubuh di Sarawak pada tahun 1928, hampir 30 tahun sebelum Kemerdekaan Malaysia telah menggunakan “Allah” di dalam penyembahan dan sastera mereka

Dan ada antara mereka yang tidak berbahas di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris tetapi hanya di dalam bahasa ibunda mereka yang termasuk perkataan “Allah”

Jadi, bukan sahaja perkataan “Allah” terdapat di dalam Bahasa Malaysia tetapi juga di dalam AlKitab bangsa Kelabit dan Lunbawang

Pastor Danil Raut, seorang pemimpin utama Gereja SIB yang merupakan Gereja Bahasa Malaysia yang terbesar di dalam Negara ini, telah mengatakan mereka tidak akan berhenti menggunakan perkataan “Allah” walaupun umat Kristian kuatir atas keselamatan mereka

Kata Pastor Daniel Raut yang berasal dari suku Lunbawang di Sarawak: “Sejak nenek moyang kami menjadi orang Kristian dalam tahun 1920puluhan, kami telah menggunakan “Allah” di dalam bahasa ibunda kami pun

Tambahan pula, bagaimanakah seseorang boleh mencadangkan bahawa perkataan itu hanya terhad digunakan oleh rakyat dari Malaysia Timur sahaja? Apa terjadi apabila mereka datang bekerja di Semenjang Malaysia? Bagaiman pula dengan puluhan ribu mereka yang sudah berada di Semenanjung? Dan bagaimana dengan gereja-gereja Bahasa Malaysia yang sediada di Semenanjung?

Apa terjadi apabila seorang rakyat Malaysia Timur melintasi masuk ke Labuan (Kawasan Persekutuan) pada hujung minggu?

Sesetengah orang yang menyokong konsep “Di Malaysia Timur sahaja” memberi alasan tambahan bahawa “apabila di Roma, buatlah seperti orang Roma”

Walaupun terbuka kepada debat, di dalam landskap politik baru terdapatnya bukan semua parti politik besar termasuk rakan-rakan kunci Barisan sehaluan dengan “Kaiser” dalam isu ini.

Peribahasa serupa di dalam bahasa melayu ialah “Masuk kandang lembu menguak, masuk kandang kambing mengembek”

Mungkin sudah sampai masanya di mana minoriti baru menguak dan mengembek dengan majoriti.

4.Kejayaan Polisi Pendidikan Bahasa Kebangsaan

Sejak pengenalan polisi Bahasa Kebangsaan, generasi yang muncul lebih fasih dalam Bahasa Malaysia. Dan dengan penekanan yang berlanjutan, dua generasi yang akan datang bukan sahaja akan lebih fasih lagi malah akan lebih bergantung kepada Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantara di dalam Negara kita.

Bersama dengan perlisihan sekarang mengenai perkataan “Allah”, kita mendapati jelas sekali ada tujuan-tujuan untuk mengenakan halangan-halangan lain lagi ke atas perkataan-perkataan lain seperti “Injil”, dan “Firman”

Jadi soalan secara logik kita semua bertanya ialah “ bagaimanakah semua ini akan berjalan dan berakhir?”

Mana-man ahli strategi akan memberitahu anda bahawa untuk memenangi peperangan generasi, caranya ialah membiarkan generasi lama dan yang tidak mahu berubah dan berfokus kepada generasi akan datang.

Anak cucu dan cicit kita akan mendapati mereka keberatan membaca Alkitab dalam bahasa yang mereka kurang fasih dan juga kerana susah mahu mendapatkan Alkitab , mungkin mereka akan menjadi generasi pertama yang tidak pernah mendengar perkataan “firman “ dan “Injil”.

Saya boleh faham keghairahan kerajaan untuk mengislamkan Negara kita tetapi saya berdoa supaya mereka boleh melakukannya dengan kejujuran dan integriti. “Membawalah semua nya kepada meja rundingan” dan sasarkan kepada hati. Rakyat Malaysia akan menghormati anda untuk itu.

Tetapi janganlah gunakan paksaan, buli, salahterjemahan media, membingungkan minda-minda anak-anak kami dan menulis semula Kitab kami.

Tetapi saya juga berdoa, dalam semangat kebebasan agama, akan datangnya satu hari di mana orang lain jika mereka menginginya akan di izinkan untuk mengongsikan kepercayaan-kepercayaan mereka dengan kawan-kawan Islam mereka seperti yang diterima dan diizinkan sepenuhnya di Indonesia, iaitu Negara Islam yang paling besar di dunia. Memanglah Indonesia adalah contoh hebat kepada kita mengenai apa itu kebebasan agama. Mengongsikan kepercayaan kita dengan satu sama lain tidak haruslah ditafsirkan secara sempit sebagai “ada niat mahu masukkan ke dalam agama”. Mengerti kepercayaan satu sama lain adalah satu cara yang sangat baik untuk mempromosikan perhubungan baik, keamanan dan harmoni antara penduduk berbilang agama di dalam Negara kita yang indah ini

Di bawah keadaan sekarang, banyak”dialog antara kepercayaan “dan pembentukan majlis-majlis untuk mengendalikan dialog-dialog tidak sampai ke mana-mana tetapi

akan jadi mono, kerana kepercayaan-kepercayaan lain disekat dalam nama perlembagaan

5. Digunakan oleh Orang Lain Juga

Orang beragama Sikh gunakan “Allah” di dalam Kitab Suci mereka. Adakah kita akan hentikan mereka selepas ini?

Bagaimana pula dengan orang beragama Hindu yang juga merujuk kepada satu antara tuhana-tuhan mereka sebagai “Allah”

Rigveda adalah kitab yang paling suci bagi orang beragama Hindu dan satu daripada ciri-ciri yang diberikan kepada Tuhan Mahakuasa di dalam Buku #2

Nyanyian no 1 ayat 2 ialah “Ila” yang jika disebut betul-betul adalah sama seperti Allah

Jadi ia bukan hanya isu yang melibatkan orang Kristian sahaja. Apa yang disuruh dibuat oleh umat Kristian, akhirnya umat Sikh dan umat Hindu juga akan disuruh buat juga

6. Hak Perlembagaan Untuk Mengurus Agama Kita Sendiri

Hak ini mesti termasuk bagaimana kita memanggil Tuhan kita

Kakitangan kerajaan yang terlalu ghairah telah mengganggu pendidikan dan penyembahan umat Kristian di mana banyak CD telah dirampas, bahan-bahan Sekolah Minggu telah ditahan oleh pihak Kastam dan juga Alkitab disita

Mengikut Prof Dr Shad Saleem Faruqi, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa Islam adalah Agama resmi Persekutuan. Tetapi semua agama lain boleh diamali di dalam keadaan damai dan harmoni Artikel 3(1)

Berkenan dengan agama, setiap orang mempunyai hak untuk 3 perkara, iaitu

1. Untuk percayai

2. Untuk amali

3. Tertakluk kepada Artikel 11(4), untuk menyebarkan agamanya

Setiap kumpulan agama mempunyai hak untuk

1. Mengurus/mentadbir hal-halnya sendiri

2. Mewujudkan dan kendalikan institusi-institusi untuk tujuan-tujuan agama

3. Membeli dan memiliki harta dan tanah dan mentadbirnya

4. Mewujudkan dan kendalikan institusi-institusi untuk pendidikan agama Artikel 12(2)

Hak perlembagaan kita untuk mengurus hal-hal kita sendiri, untuk mengamali agama kita secara bebas semakin diancam terutama sekali pada dua dekad yang lalu

7. Menentukan apa yang harus dimasukkan di dalam Kitab sesuatu agama besar di dunia

Cadangan bahawa perkataan lain digunakan boleh dianggap sebagai “gurauan yang paling besar”

Samada kita bersetuju atau tidak mengenai perkataan ini bukanlah isu yang utama

Isu yang dasar ialah bahawa setiap Kitab agama adalah kitab suci umat Kristian (termasuk bangsa Kelabit dan Lunbawang), umat Sikh dan umat Hindu. Kita bukan bincang mengenai buku-buku teks tambahan atau Kitab separuh benar yang baru-baru sahaja ditulis!

Adakah mereka yang mengemukakan alasan untuk ditukarkan perkataan Allah mencadangkan bahawa semua Kitab-Kitab Suci ini ditulis semula hanya untuk menyesuaikan segelintir orang?

Jika ia dicadangkan oleh penganut-penganut agama-agama tertentu, ini masih dapat diterima. Tetapi apabila pengikut sesuatu agama mencadang (dan mendesak) bahawa pengikut-pengikut agama lain menulis semula Kitab Suci mereka untuk memenuhi kehendak mereka berdasarkan keyakinan yang tidak berasas, maka tidak tidaklah jauh daripada keangkuhan yang sangat tinggi

Saya tahu di Malaysia apa pun boleh terjadi tetapi langkah ini untuk “memaksa” kumpulan-kumpulan agama lain untuk menulis semula Kitab-Kitab mereka adalah tidak masuk akal

8. Cendekiawan – Cendekiawan Islam yang terkenal dan organisasi-organisasi Islam telah menyokong kegunaan “Allah” oleh umat Kristian

Di dalam Malaysiakini pada 13hb Jan 2010, pakar Perundangan Perlembagaan Abdul Aziz Bari telah mengatakan bahawa adalah sangat jelas bahawa kegunaan Allah oleh umat Kristian mempunyai asas di dalam Al Quran

Ini telah diperkuatkan lagi oleh exposisi cendekiawan-cendekiawan yang terkemuka termasuk Sheikh Yusuf Al Qaradawi (penerima anugerah Maal Hijrah 2009) yang mengatakan bahawa umat Kristian sebagai sebahagian daripada kepercayaan keturunan nabi Ibrahim bersama dengan orang Yahudi dan orang Islam boleh menggunakan perkataan “Allah”

Terlebih awal, Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA) telah mengeluarkan satu kenyataan pada 4 hb Jan 2010 seperti berikut:

“Berkenaan dengan pengamalan sekarang dan dalam sejarah, umat Kristian berbangsa Arab telah menggunakan perkataan “Allah” untuk merujuk kepada Tuhan di dalam sumber agama mereka sejak permulaan Islam dan mereka tidak pernah

dicabar oleh orang Islam secara peribadi maupun oleh Kerajaan Islam atas perkara ini. Undang-undang Islam adalah jelas bahawa pengikut-pengikut agama Kristian mempunyai hak untuk mengamali agama mereka mengikut ajaran-ajaran agama mereka sendiri.

Kami berseru kepada Kerajaan Malaysia untuk mempertahankan kebebasan keagamaan umat Kristian dan membiarkan keputusan mahkamah itu kekal. Kami juga menggesa NGO Islam untuk menghormati ajaran-ajaran Islam dan tradisi-tradisi Islam yang sudah sekian lama di pegang dan menarik balik tentangan mereka kepada kegunaan perkataan “Allah” oleh umat Kristian di Negara mereka”

Kami ingin mendengar dari kerajaan kita satu respon yang lebih koheren dan cerdik kepada suara-suara terkemuka ini daripada hanya dapat mengatakan “inilah Malaysia”

9. Lagu-lagu anthem negeri kita akan membawa erti yang baru

Bagaimanakah kita menyanyi lagu anthem Selangor, Kedah, Pahang, Johor, Kelantan dan Trengganu sekarang? Kerana adanya rujukan kepada “Allah” di dalam lagu-lagu ini kerana sekarang ia menandakan bahawa ia hanya merujuk kepada Tuhan orang Islam sahaja?

Di sekolah-sekolah lebih kurang 30 tahun dahulu, kami dimaklumkan bahawa kita bernyanyi kepada “Tuhan”. Sekarang, adakah anak-anak kami bernyanyi hanya kepada satu Tuhan yang khusus?

Kecuali, kita ini liberal dan tidak peduli menyanyi kepada semua tuhan atau manamana tuhan atau hanya kepada tuhan orang Islam

10. Kita perlu ingat bahawa terwujudnya “harmoni baik di dalam 30 tahun pertama selepas Merdeka dengan adanya kebebasan untuk menggunakan “Allah”

Ia tidak pernah menjadi isu sehinggalah ahli-ahli politik yang terlampau ghairah menyebarkan gazette ISA pada tahun 1982 di mana Alkitab di rujuk sebagai satu “dokumen yang “menjejaskan keselamatan Persekutuan

Sejak itu kita sudah tahu apa yang telah berlaku..

Ini adalah sesuatu yang sangat menghina! Tetapi masyarakat Kristian selalunya merupakan orang yang suka hidup berdamai

Untuk menjaga harmoni, umat Kristian melibatkan diri di dalam pertemuan sulit untuk berunding”kegunaan terhad “perkataan itu daripada membawanya kepada mahkamah. Dan kita selalunya diberi jaminan oleh kerajaan bahawa kita boleh terus gunakan Alkitab kita

Tetapi kini, mereka berkata kita tidak boleh menggunakan perkataan itu dan berbagai agensi-agensi kerajaan mulai sita berbagai bahan-bahan Kristian, bukan sahaja Alkitab. Dan dakwaan bahawa “kami pernah terimanya” tidak benar. Ia hanya kerana kami telah diperdayakan untuk berbincang secara sulit dalam nama kebudayaan Malaysia di mana caranya ialah “berbincang dan menyelesaikan dengan diam-diam”. Jadi oleh kerana tidak ada sesiapa yang mendengar apa-apa dari kami, sekarang mereka (termasuk raja-raja) telah mengambil kesempatan dan mengatakan kami telah menerimanya sejak dulu. Ini langsung tidak benar. Umat Kristian sebenarnya telah mengadu, membantah dan menulis kepada Kerajaan bertahun-tahun

Haruskah kita mengalah sahaja demi keamanan? Saudara-saudara, mungkin masa untuk perbincangan secara sulit di mana pandangan-pandangan kita telah disalahtafsirkan secara sengaja dan dikompromikan, di mana minoriti selalunya dibuli dan diancam supaya bertunduk demi harmoni dan dalam nama sensitiviti sudah berlepas?

Memangnya sangat sedih bahawa selepas 52 tahun kemerdekaan, Negara kita masih belum matang untuk berdialog dan masih bergelut untuk mendengar suara yang bertimbangrasa

Ini bukanlah isu bangsa, bukan juga isu ketuanan Melayu dan juga bukan isu agama. Dan ia memang bukan isu Semenanjung lawan Malaysia Timur

Di depan kita adalah isu-isu perlembagaan dan hak-hak asasi manusia, satu seruan untuk menghormati keyakinan rohani dan Kitab Suci agama-agama lain. Inilah adalah seruan untuk menggunakan fikiran dan menghormati sempadan-sempadan iaitu tidak boleh menulis semula Kitab Suci!

Saya berharap dan berdoa bahawa fakta-fakta dan sebab-sebab yang tersebut di atas akan membantu umat Kristian mengerti bahawa kita bukanlah mendesak menggunakan “Allah” untuk “menjengkelkan orang-orang yang senang bingung” di tanah air kita

Kita terus berdoa untuk keamanan dan mencari penyelesaian yang difikirkan baik-baik supaya Malaysia boleh benar-benar bersinar sebagai tanah yang secara sayang digelar sebagai “benar-benar Asia”

Eu Hong Seng

pastor